**PEJABAT DEWAN NEGERI**
**SELANGOR DARUL EHSAN**
TINGKAT 1, BANGUNAN ANNEX, DEWAN NEGERI SELANGOR,
40680 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.
TELEFON : 03-5544 7615, 5544 7616, 5544 7617, 5544 7618, 5544 7422
FAX : 03-5510 4055, 5544 7436

Rujukan kami : Bil (82)DUN.SEL.30003 Jld 39

Tarikh : 6 Mac 2015

Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Tingkat 3 Bangunan SSAAS
**40503 Shah Alam**

Y.Bhg Datin,

**PERMOHONAN KEPADA LEMBAGA RAYUAN BADAN MAKLUMAT NEGERI BERHUBUNG MAKLUMAT TUNTUTAN AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI MELALUI ENAKMEN KEBEBASAN MAKLUMAT (NEGERI SELANGOR) 2011**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Terlebih dahulu, Pentadbiran ini mengucapkan setinggi penghargaan atas sokongan dan kerjasama yang telah diberikan.

3. Untuk makluman Y.Bhg Datin, Pentadbiran ini telah menerima permohonan daripada Sinar Project melalui Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2011 berkaitan perkara-perkara berikut :

i. Maklumat tuntutan elaun perjalanan dan keraian Y.A.B Dato' Menteri Besar untuk tahun 2014 dan 2015; dan
ii. Maklumat tuntutan elaun perjalanan dan keraian Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim untuk tahun 2014 dan 2015

4. Perkara ini telah dibawa ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 6/2015 yang diadakan pada 11 Februari 2015 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 7/2015 pada 17 Februari 2015 yang telah memutuskan seperti berikut :

"Y.A.B Dato' Menteri Besar mengambil maklum permohonan Sinar Project berhubung maklumat tuntutan elaun perjalanan dan keraian Y.A.B Dato' Menteri Besar dan Mantan Y.A.B Dato' Menteri Besar untuk tahun 2014-2015. Y.A.B Dato' Menteri Besar mencadangkan Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri menyediakan satu *standard of procedure* (SOP) berhubung maklumat-maklumat yang boleh diberikan oleh pihak Kerajaan Negeri kepada pemohon untuk mengelak salah guna maklumat. Prinsip FOI sewajarnya lebih menjurus kepada maklumat-maklumat berkaitan Projek Pembangunan Negeri yang boleh dimanfaatkan seluruh rakyat dan tidak berbentuk peribadi. Sehubungan itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

bersetuju dengan cadangan Y.A.B Dato' Menteri Besar tersebut dan permohonan Sinar Project ditolak"

5. Walau bagaimanapun Sinar Project telah mengemukakan semula permohonan kepada Lembaga Rayuan Badan Maklumat Negeri untuk dipertimbangkan. Sehubungan itu, rayuan ini dipanjangkan kepada pihak Y.Bhg Datin untuk pertimbangan Lembaga Rayuan Badan Maklumat Negeri di bawah Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2011.

6. Bersama-sama ini disertakan sesalinan keputusan MMKN dan permohonan beliau untuk rujukan pihak Y.Bhg Datin jua.

7. Kerjasama Y.Bhg Datin berhubung perkara ini didahului dengan setinggi-tinggi penghargaan.

Sekian, terima kasih.

**"TERBAIK DARIPADA KAMI"**

**" KEJUJURAN DAN KETEKUNAN "**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**( ELYA MARINI BINTI DARMIN,** AMS)
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)
Pejabat Dewan Negeri Selangor.

Salinan kepada :

Y.B. Tuan Speaker Dewan Negeri

Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri

Sinar Project

**PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR**
(SELANGOR STATE TREASURY)
TINGKAT 2, 8-12
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
40592 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA

selangorku

QUALITY SYSTEM SIRIM
STANDARDS MALAYSIA ACCREDITED CERTIFICATION BODY ISO/IEC 17021 : 2006 QS 02121999 CB 1
CERTIFIED TO MS ISO 9001 : 2008
CERT. NO. : AR 1905

77

*"KEJUJURAN DAN KETEKUNAN"*

PEJABAT DEWAN
DITERIMA
0 6 FEB 2015
NEGERI SELANGOR

Ruj kami :PWN.Sel.(BPH) 001 Jld. 21 (63)
Tarikh : 16 Rabiul Akhir 1436H
6 Feb 2015

**Puan Elya Marini Bt Darmin,**
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)
Dewan Negeri Selangor,
Tingkat 1, Bangunan Annex Dewan Undangan Negeri Selangor,
40503 Shah Alam,

Puan,

**PERMOHONAN MAKLUMAT MENGIKUT ENAKMEN KEBEBASAN MAKLUMAT (NEGERI SELANGOR) 2011**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, Pentadbiran ini telah menerima permohonan maklumat berhubung senarai dan jumlah tuntutan yang telah dibuat oleh setiap Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) bagi Tahun 2014 dan 2015. Permohonan ini telah dikemukakan melalui Borang A (Peraturan 3) Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2011 seperti di Lampiran.

3. Sehubungan itu, Pentadbiran ini memohon pertimbangan pihak puan untuk membekalkan maklumat seperti yang diminta sekiranya ia selaras dengan Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2011. Sebarang pertanyaan berhubung permohonan ini boleh dikemukakan terus kepada Sinar Project di talian

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(ZULKIFLI BIN OSMAN)**
Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Hasil)
b.p Pegawai Kewangan Negeri Selangor

s.k: 1. YB. PWN
2. TPWN

| Jawatan | Tindakan |
| --- | --- |
| KPSU | ✓ |
| PSU (MMKN) | |
| PSU (Dewan) | |
| PSU (Pentadbiran) | |
| Akauntan | |
| PAC | |
| PA | |
| Catitan | |
| SUB (Dewan/MMKN) | |

- Pekara ini telah dibincangkan dlm mesyuarat Exco pada 11/2/2015. Exco memutuskan permohonan tidak dapat dipertimbangkan.
- Mohon diedarkan surat kpd. pemohon. (kena jawab dlm tempoh 30 hari)
- S.k kpd. (1) Speaker (2) SS (3) BPSU

12/2/2015

RESIT RASMI

KERAJAAN NEGERI SELANGOR

| | | |
|---|---|---|
| TAN PENERIMA : | 0203 | PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR |
| ENERIMA : | 20301000 | YB PEGAWAI KEWANGAN NEGERI |

ma Daripada : Sinar Project

No Resit : R00000281

Tarikh : 05/02/2015

Masa : 03:36:25

P/Daftar Syarikat :

ık Bayaran : Tunai

ek /W.Pos/B.Draft/K.Wang/No Kad Kredit/Debit/MEPS :

Pembayar :

oor Rujukan :

| ı | Perihal Terimaan | Kod Terimaan | Amaun(RM) |
|---|---|---|---|
| | PKHIDMATN MDAPATKN MKLMT JBTN DIBWH ENAKMEN KBEBASN MKLMT (NGRI SGOR) 2011 | 72499 | 12.00 |
| | | Jumlah : | 12.00 |

jit : DUA BELAS SAHAJA

at AHMAD FARID BIN AZMI

kan adalah secara berkomputer dan tidak memerlukan tandatangan

ASAL

K(8.15)248-10(SK.6)JD.27(4)

**JADUAL PERTAMA**
ENAKMEN KEBEBASAN MAKLUMAT (NEGERI SELANGOR) 2011
PERATURAN-PERATURAN KEBEBASAN MAKLUMAT (NEGERI SELANGOR) (AKSES KEPADA MAKLUMAT) 2012

**BORANG A**
[PERATURAN 3]
Permohonan Untuk Akses Kepada Maklumat
(Application for Access to Information)

| BAHAGIAN A (PART A) |
|---|
| **Maklumat Pemohon** *(Applicant's Information)* |
| **Nama** (Name) : Sinar Project |

| BAHAGIAN B (PART B) |
|---|
| **Butir-Butir Maklumat Yang Dipohon** *(Details of Requested Information)* |
| **Nama Jabatan :** *(Name of Department)* PENBENDAHARAAN |
| **Maklumat yang diperlukan :** *(Information required)* CLAIMS DARI EXCO (2014, 2015) |
| **Keterangan Terperinci Maklumat:** *(Detailed Description of Information):* - DETAILS DARI EXCO AZMIN } 2014 + 2015 - DETAILS DARI EXCO KHALID [Sila lampirkan kertas tambahan, sekiranya perlu] *[Attach extra paper, if necessary]* |
| **Alasan & Tujuan Permohonan :** *(Reason & Purpose of Application)* - MEMANTAU EXCO |
| **Sila nyatakan adakah permohonan ini berkaitan dengan nyawa atau kebebasan seseorang individu?** *(Please advise if this application relates to the life or liberty of an individual?)* ☐ Ya *(Yes)* ☑ Tidak *(No)* **Jika Ya, sila berikan keterangan lanjut:** *(If Yes, please provide details:)* |

**Pilihan Cara Akses Kepada Maklumat:**
*(Preferred Form Of Access To Information )*

- [x] Salinan pendua *(Copies)* SOFT COPY
- [ ] Pemeriksaan *(Inspection)*
- [ ] Lain-lain *(Others)*
  Sila nyatakan *(Please specify)*:

BAHAGIAN C (PART C)

**Permohonan Untuk Mengakses Maklumat Peribadi Orang Perseorangan Pihak Ketiga (Sekiranya Berkaitan)**
*(Application For Access To Personal Information Of An Individual Third Party)(If Relevant)*

**Butiran Pihak Ketiga**
*(Details of the Third Party)*

Nama : *(Name)*

No. Kad Pengenalan: *(Identification Card No.)*

Alamat : *(Address)*

Telefon: *(Telephone)*

Alamat emel : *(E-mail address)*

**Pemohon hendaklah mengemukakan akuan berkanun individu pihak ketiga sebagai persetujuan untuk mengakses maklumat peribadi.**
***(Applicant shall submit a statutory declaration of the individual third party as conse***

***Tandatangan Pemohon***
***(Applicant's Signature)***

**Untuk Kegunaan Pejabat (For Office Use Only)**

**Tarikh Terima *(Date Received)* :** **No. Permohonan *(Application No.)* :**
**Tarikh Luput *(Expiry Date)* :**

RAHSIA

CABUTAN DARIPADA KEPUTUSAN MESYUARAT MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN KE 6 / 2015 YANG DIADAKAN PADA 11 FEBRUARI 2015 YANG TELAH DISAHKAN OLEH MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN KE 7 / 2015 PADA 17 FEBRUARI 2015

**2.2. Permohonan Maklumat Di bawah Enakmen Kebebasan Maklumat (FOI) (Negeri Selangor 2011)**

Y.A.B. Dato' Menteri Besar mengambil maklum permohonan Sinar Project berhubung maklumat tuntutan elaun perjalanan dan keraian Y.A.B. Dato' Menteri Besar dan Mantan Y.A.B. Dato' Menteri Besar untuk tahun 2014-2015. Y.A.B. Dato' Menteri Besar mencadangkan Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri menyediakan satu *standard of procedure* (SOP) berhubung maklumat-maklumat yang boleh diberikan oleh pihak Kerajaan Negeri kepada pemohon untuk mengelakkan salah guna maklumat. Prinsip FOI sewajarnya lebih menjurus kepada maklumat-maklumat berkaitan Projek Pembangunan Negeri yang boleh dimanfaatkan seluruh rakyat dan tidak berbentuk peribadi. Sehubungan itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bersetuju dengan cadangan Y.A.B. Dato' Menteri Besar tersebut dan permohonan Sinar Project ditolak.

**Tindakan :** Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri

Y.B. Tuan Speaker

Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

**Setiausaha**
**Majlis Mesyuarat Kerajaan**
**Selangor**

RAHSIA

LEMBAGA RAYUAN FOI

TO: c/o PEJABAT DEWAN NEGERI

FROM:

SINAR PROJECT

I ~~WOULD LIKE~~ TO START THE

APPEALS PROCESS FOR REJECTED

FOI REQUEST REF: BIL (76) DUN.SEL. 3ØØØ3
JLD 39

DATED FEB 16, 2Ø15, WHICH DID NOT STATE REJECTION REQUEST AS PER ENACTMENT.

P~~LEASE~~

PLEASE CONVENE INFORMATION BOARD FOR APPEAL PROCESS AS PER ENACTMENT AS SOON AS POSSIBLE.

THANK YOU

Sinar Project

MARCH 4, 2Ø15